



**UCAPAN PERASMIAN
MENTERI KERJA RAYA
YANG BERHORMAT TUAN BARU BIAN
SEMPENA
MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC)
JKR MALAYSIA TAHUN 2018**

07 MEI 2018 (SABTU)

ALOR SETAR

KEDAH DARUL AMAN

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar,
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Sektor Dasar & Pembangunan)

YBhg. Dato' Haji Sarani bin Dollah,
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Sektor Pengurusan)

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

YBhg. Dato' Sr. Aziz bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj. Osman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Infra)

YBrs. Encik Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

YBrs. Ar. Zairul Azidin bin Badri
Menjalankan Tugas Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)

YBrs. Ir. Haji Wan Mohamad Hilmi bin Wan Mahmud
Pengarah JKR Negeri Kedah

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian, Pengarah-
Pengarah Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai Kader,

Pegawai-Pegawai Kanan dan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Perkenalan,

PENDAHULUAN

1. Terima kasih, syukur dan saya amat gembira kerana kita berkesempatan dapat berhimpun dan bersama-sama sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2018 di Alor Setar, Negeri Kedah Darul Aman, negeri jelapang padi. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak JKR kerana mengundang saya untuk merasmikan mesyuarat ini malahan saya berbesar hati dapat berjumpa dengan warga JKR sekalian. Ini merupakan majlis pertama untuk diri saya bersama warga JKR selaku Menteri Kerja Raya yang baharu. Saya amat berbesar hati untuk berada di sini bersama-sama warga kerja JKR seluruh negara. Di sini bermulanya detik pertemuan kita yang pertama semenjak dengan rasminya saya dilantik menjadi Menteri Kerja Raya pada 2 Julai 2018. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan memberikan sokongan penuh dan kerjasama erat kepada saya dalam menerajui Kementerian Kerja Raya. Saya percaya menerusi pelaksanaan program seumpama ini, kita mampu merencana dan mencorak gerak kerja strategik dalam memastikan visi dan misi Kementerian Kerja Raya dapat digapai dengan jayanya. Semoga semua agensi di bawah KKR akan lebih cemerlang dalam memperkasakan jabatan dan agensi masing-masing ke peringkat yang lebih tinggi. Sementara masih di bulan Syawal ini, belum terlewat kiranya saya mengucapkan Salam Aidilfitri kepada seluruh warga kerja raya yang menyambutnya.

2. Saya difahamkan Mesyuarat Pegawai Kanan ini merupakan acara tahunan JKR yang diadakan mengikut giliran negeri yang mana pada kali ini JKR Negeri Kedah diberikan penghormatan untuk menjadi tuan rumah. Semoga keindahan panorama sawah padi di Negeri Kedah ini mampu menerbitkan idea-idea kritis dan membangkitkan semangat baru kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk memberikan yang terbaik, seterusnya berkongsi pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam meningkatkan kualiti dan dan prestasi perkhidmatan awam amnya dan JKR khususnya.

REVOLUSI INDUSTRI 4.0

3. Tema Mesyuarat SOC pada tahun ini adalah “ASPIRASI JKR PADA ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0”. Ini sejajar dengan senario kepesatan teknologi global dan transformasi penggunaan digital menuju IR 4.0. Melalui kajian yang dibuat oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC), terdapat lima (5) aliran semasa (Megatrends) yang mempengaruhi landskap global masa kini yang perlu didepani oleh kita pada hari ini iaitu; (a) Ketidaktentuan ekonomi global; (b) Kemunculan pekerja millennials; (c) Kepantasan urbanisasi; (d) Penyusutan sumber atau *resource stress*; dan (e) Revolusi teknologi keempat (IR 4.0). Asasnya, Revolusi Perindustrian Keempat boleh ditakrifkan sebagai satu transformasi perindustrian menyeluruh yang merangkumi setiap aspek industri dan aktiviti ekonomi termasuk semua aspek kehidupan. Ia merupakan transformasi semua sektor ke dalam sistem baru dan / atau cara hidup yang akan mengubah cara kita melaksanakan tugas harian dan menyampaikan perkhidmatan. Selain itu, kemajuan teknologi semasa turut menyebabkan berlakunya 'teknologi yang mengganggu' (*disruptive technologies*) akibat penumpuan kepada dunia fizikal, digital dan biologi.

4. Suka saya berkongsi di sini bersama tuan-tuan, puan-puan serba sedikit sejarah evolusi Revolusi Industri. Merujuk kepada Klaus Schwab iaitu pengasas dan Pengerusi Eksekutif Forum Ekonomi Dunia (WEF), Revolusi Industri dunia bermula pada tahun 1784 di mana manusia pada zaman itu mula menggunakan tenaga mekanikal, air dan wap untuk menggantikan tenaga manusia, manakala pada tahun 1870, bermulanya era Revolusi Industri Kedua menyaksikan kilang-kilang pembuatan mula dibangunkan dan penggunaan elektrik semakin berkembang. Revolusi Industri Ketiga pula tercetus sekitar 1969 di mana memperlihatkan manusia mula memanfaatkan kewujudan alat-alat elektronik, teknologi maklumat dan bidang pembuatan mula diautomasi. Klaus Schwab turut menjangkakan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) bakal tercipta dalam tempoh tidak lama lagi.

5. Menurut Schwab juga, *Industrial Revolution 4.0* bakal mempengaruhi kemajuan industri di seluruh dunia berikutan kemunculan teknologi terkini seperti *artificial intelligence*, *robotik*, *internet of things* (IoT), nanoteknologi, bioteknologi, big data analytics, keselamatan siber dan banyak lagi. Ini memberi petunjuk bahawa kita semakin hampir dengan perubahan ini. Schwab juga berpendapat Revolusi Industri Keempat berpotensi untuk meningkatkan tahap pendapatan global dan juga menambah baik kualiti kehidupan rakyat.

6. Seiring dengan Revolusi Perindustrian 4.0, penggunaan digital dilihat semakin luas dalam pelbagai bidang dan *trend* kehidupan manusia juga berubah dengan penggunaan alat digital. Pasti kepesatan pembangunan teknologi akan memberi kesan dalam meneruskan kehidupan harian kita malahan pada era masa kini, rangkaian internet merupakan satu kewajipan dan keperluan setiap individu. Sebagai contoh, aplikasi mudah alih kini menjadi medium utama dalam urusan harian masyarakat dunia sekarang. Malahan kita sendiri pun, bak kata orang hidup tak lengkap kalau tertinggal *handphone* di rumah.

7. Saya yakin tuan-tuan dan puan-puan sekalian mengetahui dan biasa mendengar istilah Uber, Grab, Airbnb, Netflix dan pelbagai aplikasi lain yang telah berjaya mengubah sedikit demi sedikit corak kehidupan kita pada hari ini. Manakala di tempat kerja kita pula menggunakan pelbagai jenis perisian seperti *Building Information Modeling* (BIM), *Highway Information Modeling* (HIM) dan *3D design softwares*. Pasti di masa hadapan inovasi ke atas teknologi akan memudahcara segala urusan harian dan menjadikan kita lebih kompeten dan produktif serta berpotensi memacu pertumbuhan ekonomi.

8. Banyak kebaikan dan faedah yang bakal kita perolehi sekiranya berjaya mengadaptasi teknologi Industri 4.0, antaranya ialah dapat mengurangkan kebergantungan pekerja mahir /pekerja asing terutamanya bagi sektor perkilangan. Mengguna pakai teknologi baru juga membantu syarikat menjadi lebih cekap dan produktif serta selari dengan trend global. Negara China contohnya telah bergerak ke arah digitalisasi secara besar-besaran seperti *3D printing* walaupun banyak tenaga kerja murah di negara ini. Penerapan Industri 4.0 dalam organisasi pastinya akan meningkatkan kecekapan dan mengurangkan *defects* terutama dalam pembinaan jalan raya, lebuh raya dan bangunan.

YBhg. Dato' Sri/Dato'/Tuan/Puan Yang Dihormati,

POLISI PEROLEHAN KERAJAAN PAKATAN HARAPAN

9. Adalah penting bagi kita sebagai anggota Kerajaan untuk memastikan sistem perolehan menjana faedah maksimum untuk wang rakyat. Ini kerana, jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia untuk perolehan adalah amat besar, iaitu dianggarkan melebihi RM100 bilion setahun melalui pelbagai projek dan kontrak. Dengan jumlah yang sebegitu besar, amat penting untuk dipastikan supaya tidak berlaku pembaziran. Kerajaan hanya memegang amanah wang rakyat, dan menjadi kewajipan kerajaan untuk sentiasa memastikan wang ini dibelanjakan dengan

berhemah. Untuk memastikan setiap sen wang rakyat dibelanjakan dengan baik, Kerajaan Pakatan Harapan akan menambahbaik sistem perolehan dan pemberian kontrak kerajaan demi memastikan ia lebih berdaya saing dan seterusnya menjana nilai yang terbaik untuk wang rakyat. Justeru, sistem tender terbuka akan digunakan dengan meluas dan telus, terutamanya untuk projek-projek berskala besar.

10. Sebagai salah satu jabatan teknikal utama pembinaan infrastruktur di negara ini, pemilihan proses perolehan dan mekanisme pelaksanaan pembinaan tidak dapat dipisahkan. Justeru, saya yakin dengan pelaksanaan sistem tender terbuka dan pematuhan serta penguatkuasaan Arahan Perbendaharaan 182 (AP182), 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Arahan Teknik Jalan dan Kos Kitaran Hayat (*Life Cycle Costing –LCC*) disetiap lapisan pentadbiran di peringkat Ibu Pejabat mahu pun di peringkat daerah akan memperkemas sekaligus mengukuhkan sistem pelaksanaan projek Kerajaan.

MEMPERKASAKAN PELAKSANAAN *BUILDING INFORMATION MODELING* (BIM)

Para Hadirin Sekalian,

11. Hari Khamis yang lalu saya telah melawat CIDB dan diberikan taklimat mengenai fungsi dan peranan agensi itu dalam pembangunan sektor pembinaan. Salah satu perkara yang menarik perhatian saya adalah pembangunan dan penggunaan *Building Information Modeling* (BIM) dalam projek-projek di Malaysia. Saya difahamkan pada masa ini tahap pelaksanaan projek Kerajaan hanyalah memfokus kepada menggunakan sistem *Industrialised Building System* pada peringkat pembinaan tetapi masih kurang dalam menggabungkan kedua-dua sistem IBS dan BIM ini di dalam 1 projek.

12. Saya percaya inisiatif transformasi JKR dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian projek kerajaan

melalui perluasan penggunaan kaedah BIM dalam projek bangunan termasuk rekabentuk *Pre Approved Plan (PAP)* akan menjadi platform kepada pembangunan *Artificial Intelligence, Smart Total Asset Management* dan *Smart City* dalam menuju Revolusi Industri 4.0 di Malaysia. Saya berharap inisiatif transformasi JKR dalam penggunaan BIM ini akan berterusan memandangkan sasaran Kementerian di bawah *Construction Industry Transformation Programmes* adalah projek Kerajaan bernilai RM100 juta ke atas akan menggunakan sekurang-kurangnya Level 2 BIM pada tahun 2019.

13. BIM melibatkan proses pembangunan dan pengurusan maklumat digital berasaskan model 3D yang mana kaedah pelaksanaannya memerlukan pengurusan data yang berstruktur dan sistematik. Justeru itu, "*Mindset*" kita perlu berubah seiring dengan peredaran masa dan berfikir di luar kotak kelaziman agar tidak ketinggalan dalam arus modernisasi teknologi. Kualiti dan integriti maklumat perlu dipertingkatkan serta mematuhi piawaian yang telah ditetapkan, tidak sepertimana kaedah konvensional yang menggunakan perisian AutoCAD selama ini, yang hanya digunakan untuk penyediaan dokumentasi.

14. Selain pelaksanaan BIM di peringkat operasi, kajian dan pembangunan BIM juga hendaklah diteruskan bagi menambahbaik proses kerja sedia ada dan eksplorasi skop peluasan penggunaan BIM dalam projek yang sememangnya sentiasa berkembang pesat. Untuk itu, Kementerian bersama CIDB telah menyediakan fasiliti *MyBIM Centre* dan *MyBIM Library* untuk kegunaan penggiat industri pembinaan. Saya menyarankan supaya pegawai-pegawai JKR juga mengambil peluang dengan kursus-kursus seperti *BIM Modular* dan *BIM for Manager* yang disediakan oleh MyBIM Centre disamping menjadikan MyBIM Library sebagai pusat rujukan produk dan piawaian.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

15. Perkhidmatan kerajaan perlulah sentiasa cemerlang dan bertambah baik dari tahun ke tahun terutamanya dari sudut penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Usah jemu berusaha untuk meningkatkan nilai tambah (*value added*) dan kemahiran serta kepakaran yang dimiliki, termasuk menghasilkan kualiti kerja yang bertaraf global, produktiviti yang sentiasa meningkat serta mengamalkan budaya kreatif dan inovatif.

16. Penjawat awam amnya dan warga JKR khususnya berdepan dengan ekspektasi pelanggan dan permintaan yang semakin meningkat dan mencabar. Sehubungan itu, JKR memerlukan warga kerja yang berdedikasi, beriltizam serta bertekad untuk memberikan perkhidmatan yang paling terbaik serta berfikiran kreatif lagi inovatif di luar kotak kelaziman, bagi menghasilkan perkhidmatan yang benar-benar berkualiti dan cemerlang. Maka, kita perlu sentiasa melipatgandakan usaha bagi memastikan pelanggan sentiasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan serta berkeyakinan tinggi terhadap segala kerja yang dilaksanakan oleh jabatan. JKR perlu sentiasa responsif kepada setiap isu dan permasalahan yang timbul sama ada dari sudut positif atau negatif supaya keberadaan JKR sentiasa di hati rakyat. Suka saya memetik kata-kata **John F. Kennedy, President Amerika yang ke-35, "Change Is The Law Of Life. And Those Who Look Only To The Past Or Present Are Certain To Miss The Future"**.

17. Sebelum mengakhiri ucapan ini, besar harapan saya agar tema yang diketengahkan untuk Mesyuarat Pegawai Kanan JKR tahun ini iaitu "ASPIRASI JKR PADA ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0" dapat diperincikan sebaik-baiknya agar dapat membantu memperkasa dan memperkukuh peranan JKR sebagai penyedia perkhidmatan pengurusan aset dan projek yang kompeten, berkepakaran, inovatif dan kompetitif. Sebagai agensi teknikal utama negara dalam aspek pelaksanaan infrastruktur dan fasiliti awam, JKR diberi sepenuh kepercayaan untuk memastikan aset awam dilaksana, diurus dan disenggara dengan sistematik agar memberi faedah yang optimum kepada kesejahteraan rakyat dan dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

18. Keupayaan dan kemampuan JKR sebagai agensi di bawah Kementerian dan pakar dalam bidang teknikal pastinya akan dinilai dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan khususnya pelaksanaan projek di bawah RMKe-11. Justeru itu, saya melihat mesyuarat seumpama ini amatlah bertepatan sebagai platform untuk tuan/puan bersama-sama mencambah minda merangka inisiatif dan pelan strategik bagi meneruskan kecemerlangan dan kejayaan organisasi demi kelangsungan JKR pada hari ini, serta memastikan keberadaan JKR sentiasa dirasai oleh semua pihak.

19. Dengan ini, saya berbesar hati merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2018 pada hari ini.

Sekian, terima kasih.